

## Buka cawangan ke-33 di Pulau Pinang

**Balik Pulau:** Rangkaian pasar raya TF Value-Mart milik Syarikat TF Value-Mart Sdn Bhd kini membuka cawangan ke-33 dan yang pertama di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ho Mun Hao berkata, pembukaan di Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau itu, sekali gus menjadikannya sebagai pasar raya terbesar di kawasan terbabit.

Beliau berkata, pembukanya diharap dapat merancakkan lagi ekonomi di kawasan sekitar selain memudahkan penduduk mendapatkan barang di bawah satu bumbung.

"Ada ratusan barang dengan harga terendah ditawarkan di pasar raya ini



TF Value-Mart bekerjasama dengan usahawan PKS bekal produk secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

"Dianggarkan ada 180,000 penduduk di sini dan kami menjangka 6,000 pelanggan

berkunjung ke sini pada bulan pertama," katanya.

—Ho ditemui di majlis pembukaan TF Value-Mart yang dirasmikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Pengurusi Eksekutif MTT Group of Companies, Datuk Seri Dr Kenny Ong.

Mengulas lanjut, Ho berkata, syarikat berkenaan turut bekerjasama dengan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi membekalkan produk mereka di TF Value-Mart.

Katanya dengan cara itu, pengusaha PKS dapat memasarkan produk mereka di pasaran dengan lebih luas.

"TF Value Mart turut menyasarkan pembukaan tiga lagi cawangan baharu masing-masing dua di Perak dan satu di Johor menjelang Ramadan," katanya.